



Tahun 4 Bilangan 2.

15 January, 1959.

GEMPAR PEMBUNOHAN AWAL TAHUN.

KEGEMPARAN telah timbul di-seluruh Negeri Brunei dalam pertengahan pertama bulan ini ia-itu akibat pembunuhan ka-atas saorang budak laki2 China

berumur 9 tahun dan sa-orang perempuan tua China berumur 65 tahun.

Sa-hari lepas mayat budak China itu di-jumpai dan dua hari sa-belum perempuan tua itu di-jumpai terbunuh pada 8 January, sa-orang saudagar China dari Kuala Belait pula telah chedera parah kena totak dengan parang pada tengkok-nya di-Tutong.

Saudagar China itu telah di-kejarkan ka-rumah sakit Bandar Brunei dan sa-telah di-rawat sa-lama dua hari di-benarkan balik ka-rumah-ny di-Kuala Belait.

Mayat budak itu di-jumpai bogel dalam belukar di-Kampung Kibor Christian, Bandar Brunei dengan sa-helai tali pinggang di-cherutkan pada leher-nya.

Budak itu konon-nya telah keluar dari rumah-nya kerana membeli sedikit gula2 di-salah sa-buah kedai yang berhampiran di-situ pada malam Aha2, 3 January.

Perempuan tua itu di-jumpai terbunuh di-rumah-nya, sa-buah kedai di-Kampung Sungai Tali, Seria. Alasan pembunuhan itu nampak-nya ia-lah kerana orang atau orang2 yang membunuh-nya itu hendak merompak wang dan barang2 kemas si-mati itu.

Jenayah pembunuhan, memukul dan menchederakan dengan senjata adalah perkara yang jarang2 berlaku di-negeri ini.

Tiga kejadian dahshat yang membawa maut kepada sa-orang kanak2 dan sa-orang perempuan tua itu hendak-nya jangan-lah membayangkan bahawa Negeri Brunei ini akan menjadi sa-buah negara yang di-ancam oleh samseng dan penjahat2 seperti yang di-dapati di-satengah2 negeri di-dunia ini.

Penduduk2 negeri2 yang di-ancam oleh keganasan samseng dan penjahat itu senantiasa hidup dalam ketakutan atas keselamatan nyawa dan harta benda mereka.

ANTARA KANDONGAN-NYA

- * Rombongan perlembagaan Brunei
 - * Peraduan karang mengarang
 - * Bantuan menanam getah
 - * Kerumitan kawasan persawahan
 - * Lawatan putera2 Diraja
 - * Penuntut2 Brunei
- dll.

JAWATAN KUASA DERMASISWA TAHUN 1959.

PENGURNIAN Dermasiswa kepada anak2 Brunei di-sekolah2 tempatan, maktab, kolej dan university seberang laut ada-lah di-uruskan oleh suatu badan yang di-namakan Jawatan Kuasa Dermasiswa Negeri Brunei.

Jawatan Kuasa itu mengandungi ahli2 yang terdiri daripada pegawai2 Kerajaan dan orang2 awam dengan Pegawai Pelajaran Negeri menjadi pengerusi-nya.

Jawatan Kuasa itu memeriksa dan menimbangkan semua permohonan hendak mendapatkan dermasiswa ka-sekolah2 tempatan dan ka-maktab, kolej atau university di-seberang laut.

Lain2 tugas-nya ia-lah mengurniakan dermasiswa dan bantuan wang kepada penuntut2 di-Sultan Omar Ali Saifuddin College, Sekolah Tinggi Perumuan, Bandar Brunei dan sekolah Inggeris Kerajaan, Seria dan mengadakan pertukaran dan kemasukan murid2 ka-bahagian permulaan dan bahagian menengah di-sekolah2 Inggeris Kerajaan.

Jawatan Kuasa itu juga mengkaji dari masa ka-masa syarat2 berkenaan dengan pengurniaan dermasiswa.

Ahli2 Jawatan Kuasa Dermasiswa Negeri Brunei bari tahun ini ia-lah:

Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud, Yang Berhormat Tuan George Norn Ah Foott, Yang Berhormat Pehin Laksamana Haji Mohd. Taha, Yang Berhormat Chegu Marsal bin Maun, Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan Tuan J. Pearce.

.....

× LATIHAN KHAS KAPADA PEGAWAI2 BRUNEI.

TIGA orang pegawai Kerajaan Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ke-luar negeri pada awal bulan ini kerana mengambil kursus yang berasingan sa-lama sa-tahun hingga delapan belas bulan.

Chegu Mohamed Hussein bin Mohamed Yusof dari Pejabat Pelajaran akan berada di-Australia sa-lama sa-tahun kerana mempelajari pertadbiran pelajaran.

Di-Australia beliau akan memerhatikan pertadbiran sekolah2 di-New South Wales, Victoria dan Queensland.

Chegu Hussein telah melawat ka-Australia sa-lama dua bulan pada awal tahun lepas kerana hadir dalam seminar pelajaran yang dianjurkan oleh UNESCO.

Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, bakal Superintendent Penjara Negeri Brunei akan berada di-Malaya sa-lama delapan belas bulan untuk mendapat latihan di-bawah Pesuruh Jaya Penjara Malaya di-Taiping.


Berlepas bersama Chegu Hussein dan Pengiran Hidup ka-Singapura di-mana mereka akan menaiki kapal terbang lain ia lah Tuan Anthony Norn.

Tuan Norn akan mempelajari pertadbiran store sa-lama sa-tahun di-Kementerian Perbekalan, London.

.....

Penyewa kedai2 di-Brunei telah di-benarkan menubuhkan sa-buah persekutuan yang di-namakan "The Brunei Shop Tenants Association." Persekutuan itu di-tubuhkan di-bawah Undang Persekutuan.

PENUNTUT-PENUNTUT BRUNEI DI-SEBERANG LAUT



Kerajaan Negeri Brunei, sa-tahun demi sa-tahun, berusaha dengan sa-berapa boleh-nya meramaikan lagi anak2 Brunei menuntut di-luar negeri dan berkecimpung dengan bangsa2 asing di-bangku persek-lahan dalam segala lapangan.

Ini, ada-lah di-antara beberapa jalan hendak memberi pelajaran kepada anak2 Brunei sa-lai dari mendirikan maktab2 di-negeri ini sendiri dan mendatangkan pakar2 dari luar negeri untok mengajar di-maktab2 itu.

Penuntut2 Brunei di-luar negeri sudah bertambah bilangan-nya dari tahun2 yang sudah dan bagitu juga dalam garis2 pelajaran yang di-tuntut mereka.

Di-United Kingdom anak2 Brunei yang menuntut di-sana ia-lah 22 orang kebanyakan-nya di-maktab2 perguruan. Hanya sa-orang wanita yang menuntut dengan perbelanjaan sendiri sahaja menuntut dalam lapangan jururawat di-England.

Di-Australia dua orang antara anak2 Brunei di-sana menuntut atas perbelanjaan ranchangan Colombo. Sa-orang lagi penuntut belajar dengan perbelanjaan sendiri.

Sa-lain dari itu bilangan penuntut2 Brunei di-Malaya dan Singapura ia-lah 47 orang, sa-bilangan besar ia-lah bakal guru2 dan penuntut di-maktab2 Islam.

Penuntut2 Brunei yang menuntut di-Sarawak dan Borneo Utara berjumlah lima belas orang.

Gambar di-atas menunjukkan empat orang daripada penuntut2 Brunei di-Milfield School, England yang telah melawat ka-Pejabat Shell di-England dengan di-temani oleh sa-orang pegawai kanan BSP Company, Setia Tuan W.R.P. Role dalam masa cuti beliau di-England bahar2 ini.

Dari kiri: Johar bin Nordin, Ibrahim bin Hassan, Awangku Ismail bin Pengiran Mahud dan Johari bin Othman.

X PENGIRAN MUDA MELIHAT BELAIT-SERIA.

WARITH takhta Kerajaan Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan alinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat dari Bandar Brunei ke-Seria pada pagi ini kerana melihat keadaan di-Belait dan Seria.

Kedua orang putera Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri itu telah berlepas dari padang terbang Berakas dengan kapal terbang Prince yang di-sediakan oleh Sharikat minyak BSP itu pada pukul 9 pagi dan tiba di-lapangan terbang Anduki dua puluh minit kemudian.

Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah di-sambut di-lapangan terbang Anduki oleh Penolong Resident Belait, Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar Ali, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Othman dan beberapa orang pegawai2 kanan sharikat BSP.

Putera2 Diraja itu telah melihat Seria dan Belait dari sa-buah helicopter yang di-sediakan oleh sharikat. Helicopter itu berlegar di-angkasa sa-lama sa-tengah jam sa-belum turun di-Badas pada pukul 10 pagi. Dari Badas kedua orang Pengiran Muda itu telah menaiki kereta api Badas berangkat balik ke-Seria.

Pada pukul 11 pagi mereka melihat pemuda2 Brunei berlatih di-sekolah Pertukangan Sharikat di-Seria.

Sa-belum berangkat balik ke-Brunei pada sa-belah petang hari mereka telah di-ra'ikan oleh Pengarah Agung sharikat BSP, Yang Berhormat Tuan R.E. Hales and Puan Hales.

Dalam lawatan itu, Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Juruiring Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Sangramara Setia Diraja, Pehin Perbendaharaan Diraja dan Pengiran Muda Chuchu Besar.

.....

X KEUTAMAAN KEPADA NELAYAN2 BRUNEI DI-LAUT BRUNEI.

NELAYAN Brunei akan di-beri keutamaan menangkap ikan di-perayeran Negeri Brunei di-bawah suatu undang2 yang baharu saja di-luluskan oleh Majlis Mesuarat Negeri.

Di-bawah undang2 itu nelayan2 dari negeri asing tidak akan di-benarkan menangkap ikan di-laut Brunei kecuali mereka itu mendapat kebenaran daripada British Resident.

Undang2 baharu itu telah di-luluskan kerana hendak menetapkan peraturan menangkap ikan di-laut dan juga menguruskan kelong2. Kuat kuasa undang2 itu akan di-jalankan dengan perisytiharan kelak.

Apabila berjalan kuatkuasa-nya pembersihan kelong dalam perayeran Brunei sa-hingga 20 batu ke-laut akan di-kawal.

Hukuman penjara enam bulan atau denda sa-hingga \$1,000 akan dikenakan ke-atas barang siapa yang di-dapati salah melanggar undang2 baharu itu.

KERUMITAN KATASAN PERSAWAHAN BRUNEI.

PADI yang sedang menghijsau di-Kilanas dan Mulaut itu ia-lah sa-bahagian kechil sahaja dari yang pernah di-tanam di-kawasan persawahan Negeri Brunei yang telah terganggu oleh kerumitan bekalan ayer dalam beberapa tahun ini.

Menurut angka2 yang di-dapati sa-luas 100 ekar lebeh sahaja dapat di-usahakan dalam musim ini pada hal di-suatu masa dahulu hampir 500 ekar tanah sawah di-situ pernah di-kerjakan oleh penduduk2 dari beberapa buah kampong di-kawasan itu.

Ikhtiar se'ang di-jalankan untuk memulehkan sa-mula Kilanas dan Mulaut sa-bagai kawasan persawahan Brunei yang besar dengan mengadakan ranchangan hendak membena sa-buah ampangan besar dari mana ayer akan di-salurkan ka-Mulaut dan Kilanas.

Anggaran harga.

Ampangan itu di-chadangkan untuk di-bena di-Sungai Limbang, Sarawak dengan harga di-anggarkan sa-banyak \$5,000,000.

Tetapi oleh sebab ada ura2 baharu2 ini dari sa-buah badan yang bertanggung jawab di-Sarawak bahawa Brunei hendak-lah membayar harga ayer yang akan di-ambil-nya dari Sungai Limbang itu, ada kemungkinan chadangan hendak membena ampangan di-Sungai Limbang itu di-batalkan.

Satengah2 kalangan rasmi di-Brunei sekarang ini memikirkan lebeh baik sa-buah amangan besar di-bena di-Sungai Tutong dalam Negeri Brunei walau pun perbelanjaan-nya akan lebeh besar dari membena sa-buah ampangan di-Sungai Limbang di-Sarawak itu.

Ampangan Tutong.

Ranchangan ampangan Sungai Tutong itu ada baik-nya kerana kampong2 di-kiri kanan teli ayer yang lebeh kurang 20 batu panjang-nya di-antara ampangan itu dengan Mulaut akan turut mendapat bekalan ayer kerana pentanian.

Dalam masa yang sudah2 Mulaut dan Kilanas bergantung pada anak2 sungai dan hujan untuk mendapat bekalan ayer pada musim bersawah.

Ini telah menjadi rumit dalam beberapa tahun ini kerana ayer dari anak2 sungai itu telah mengalir ka-dalam parit2 besar yang telah digali di-kawasan itu.

Parit2 itu akan berguna sa-mula untuk menyalorkan ayer dari mana jua ampangan yang akan di-bena oleh kerajaan kelak. Pada masa itu hampir 6,000 ekar tanah baharu mungkin dapat di-jadikan sawah.

.....

LAWATAN KA-MASJID BAHARU DI-BANDAR BRUNEI.

ORANG2 yang bukan Islam tidak di-larang masok ka-dalam Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei untuk melihat keindahan bahagian dalam bangunan itu.

Pelawat2 hendak-lah menanggalkan kasut sa-belum masok ka-dalam masjid dan orang2 yang bukan Islam ada-lah di-kehendaki keluar dari masjid itu pada masa bersenibahyang.

.....

Harga minyak petrol, minyak tanah dan minyak diesel telah diturunkan di-Brunei mulai dari 7 January ini.

Minyak petrol turun 3 sen sa-gallon, minyak tanah 10 sen atas tin em at gallon.

NEGERI2 YANG MENGELUARKAN MINYAK.

BRUNEI, sa-buah negeri kecil di-Asia ini mengeluarkan 5,000,000 tan dari 800,000,000 tan minyak yang di-perlukan oleh dunia dalam sa-tahun. Minyak itu sa-bagaimana di-ketahui di-dapati di-kawasan minyak Seria.

Pengeluaran minyak di-Brunei ini ia-lah yang kedua banyak dalam Commonwealth sa-lepas Canada dan di-antara negeri2 Asia pula hanya Indonesia dan Iran dapat mengatasi pengeluaran minyak dari Brunei.

Burma dan India yang telah lama di-kenal sa-bagai negeri2 yang mengeluarkan minyak telah di-atasi oleh setengah2 Negeri Arab yang baharu sahaja masuk pertandingan membekalkan dunia dengan minyak.

Minyak di-Seria itu di-dapati dari lebih kurang 300 buah telaga minyak, di-antara-nya ia-lah beberapa buah telaga yang terletak dalam laut tidak jauh dari pantai Brunei.

Telaga2 yang terletak lebih jauh ka-laut di-jangka akan mula di-korek dalam tahun ini sa-baik sahaja kapal pengorek telaga minyak di-laut sampai dari England.

Minyak ada-lah juga di-dapati di-Eropah, Afrika, Amerika Utara dan Amerika Selatan.

Di-antara negeri2 Amerika yang banyak sa-kali mengeluarkan minyak ia-lah Amerika Sharikat, Venezuela, Canada dan Mexico.

.....

GURU2 AKAN DI-DATANGKAN LAGI DARI MALAYA.

RANCHANGAN Kerajaan Brunei hendak mendatangkan guru2 yang berkelulusan dari Malaya dan Singapura yang telah berjalan sa-lama lima tahun itu akan di-lanjutkan sa-lama lima tahun lagi.

Ini ia-lah kerana ranchangan itu telah mendapat kejayaan dan memberi hasil yang memuaskan.

Pada awal bulan ini 14 orang guru bahagian telah sampai di-Brunei di-bawah ranchangan lima tahun pertama. Di-antara guru2 itu lima orang akan di-tugaskan mengajar derjah2 School Certificate dan Higher School Certificate.

Yang lain itu akan mengajar berbagai2 perkara seperti bahasa Inggeris, ilmu hisab, sains, physics, lukisan dan pertukangan kayu.

Dengan sampai-nya guru2 itu Brunei sekarang mempunyai 16 orang guru yang telah mendapat latihan di-Kirkby, England.

.....

Puan J.R.Broscomb telah di-lantek menjadi Nursing Suster, Pejabat Perubatan, Brunei, mulai dari 6 January, 1959.

.....

Laksamana Sir Gerald Gladstone, Pemerintah Azon Pangkalan Timor Jauh, Angkatan Laut Diraja, akan melawat ka-perayeran Belait-Seria pada pagi 26 January, 1959.

.....

Belait District Motor Club itu telah di-tukar nama-nya kepada Brunei State Motor Club. Duli Yang Maha Mulia mungkin menjadi sa-orang ahli-nya.

Club itu akan menguruskan satu pertandingan kechermatan memandu kereta pada 25 January ini.

PERTANDINGAN KARANGAN SELURUH BORNEO BRITISH.

SATU pertandingan karang mengarang dalam bahasa Inggeris, Melayu, China, Dayak atau lain2 bahasa asli di-Borneo British ada-lah di-anjorkan oleh Lembaga Pustaka Borneo yang telah menawarkan hadiah2 yang berupa wang.

Karangan yang luar biasa baik mutu-nya akan di-beri hadiah sa-banyak \$250.

Naskah2 karangan hendak-lah di-hantarkan kepada Pengarah, Lembaga Pustaka Borneo (Director, Borneo Literature Bureau), Kuching, Sarawak sa-belum 31 March 1959.

Lembaga itu telah menetapkan bahawa sa-suatu karangan itu hendak-lah merupakan cerita yang tidak kurang dari 3,000 perkataan dan tidak lebih dari 15,000 perkataan panjang-nya.

Cerita2 yang di-chadangkan bagi peraduan tersebut ia-lah riwayat hidup orang2 Borneo yang mashhor, hikayat2 dongeng, adat dan budi bahasa orang2 Borneo, cerita2 tempatan yang dahshat atau mengerikan atau cerita2 lama dalam Borneo.

Cerita2 pengembaraan.

Sa-lain dari itu karangan2 yang mengandungi cerita2 yang berkaitan dengan orang2 kampong, kupasan berkenaan dengan ikhlak dan perbahasaan asli, cerita pengembaraan orang2 tempatan dan kisah kehidupan di-kota atau desa dalam Borneo akan di-terima juga oleh lembaga itu.

Karangan2 itu hendak-lah di-tuliskan dengan terang atau di-type dan pada sa-belah kiri kertas itu hendak-lah di-lapangkan sa-inchi.

Nama penuh sa-saorang pengarang itu hendak-lah di-tuliskan dengan terang di-atas lembar pertama dan kertas2 sambongan karangan itu di-chantumkan dengan baik2.

Hadiah2 yang di-chadangkan ia-lah: Pertama, \$100; Kedua, \$50 dan Ketiga, \$25. Hadiah2 itu mungkin di-besar atau di-kurangkan menurut mutu karangan2 yang di-terima.

Keputusan Lembaga Pustaka Borneo ada-lah mu'tamad.

.....

BANTUAN MENANAM SA-MULA GETAH.

PENDAFTARAN permohonan kerana bantuan wang untuk menanam sa-mula getah atau menanam getah baharu dalam tahun ini akan di-tutup pada hujung bulan ini.

Orang2 yang hendak menanam getah dalam tahun ini hendak-lah membuat permohonan dengan menggunakan borang2 yang di-sediakan. Borang2 yang telah di-isi itu hendak-lah di-sampaikan kepada Pejabat Tanaman Brunei, Tutong, Kuala Belait atau Tombong tidak lewat dari 31 January ini.

Permohonan yang di-terima sa-lepas tarikh itu tidak akan di-layankan.

Di-bawah ranchangan bantuan menanam getah itu sa-orang pekebun kecil bolch mendapat bantuan sa-banyak \$300 atas sa-ekar tanah baharu yang di-tanami dengan getah.

Sa-kira-nya ia menanam sa-mula getah atas tanah lama bantuan yang akan di-beri oleh Kerajaan ia-lah \$500 sa-ekar.

8 -
X ROMBONGAN PERLEMBAGAAN BRUNEI KA-LONDON.

RANC perlembagaan Negeri Brunei itu akan di-semak dan di-halusi lagi sa-belum di-kemukakan oleh rombongan perlembagaan Brunei yang akan di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri kepada wakil2 Baginda Queen di-London kelak.

Rombongan itu di-jangka akan berangkat ka-London sa-belum pertengahan tahun ini.

Dalam pada itu Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Brunei telah menjemput sa-orang pakar perlembagaan, sa-orang peguam Melayu ia-itu Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, bekas Menteri Besar, Perak untuk menyemak dan menghalusi rang perlembagaan itu.

Peluang kepada ra'ayat.

Perlembagaan yang sedang di-gubal itu, mengikut titah Duli Yang Maha Mulia, ia-lah untuk memberi peluang yang lebih luas kepada anak2 Brunei dalam pemerintahan Negeri Brunei.

Kuasa2 yang sekarang ini di-perang oleh British Resident akan di-serahkan kepada sa-orang Melayu Brunei yang akan memegang jawatan Menteri Besar apabila perlembagaan itu di-kuatkuasakan.

Di-bawah perlembagaan yang bertulis itu anak2 Brunei akan dapat memberi nasihat kepada Duli Yang Maha Mulia dan dalam Majlis Meshuarat Negeri ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat menerusi Majlis2 Meshuarat Daerah akan lebih ramai bilangan-nya daripada ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan.

Perlembagaan yang sa-suai.

Kebolehan Dato Panglima Bukit Gantang menggubal suatu perlembagaan yang sa-suai untuk sa-buah Negeri Melayu telah teruji. Beliau ia-lah sa-orang ahli jawatan kuasa perlembagaan Perskutuan Tanah Melayu yang telah berjaya merundingkan perlembagaan Perskutuan Tanah Melayu Merdeka dengan wakil2 Pejabat Tanah Jajahan British di-London sa-masa Perskutuan Tanah Melayu itu masih di-jajah oleh British.

Dato itu telah bersara dua tahun dahulu dari jawatan Menteri Besar, Perak apabila Majlis Meshuarat Negeri Perak mengambil keputusan hendak mempunyai sa-orang Menteri Besar di-antara wakil2 yang di-pilih oleh ra'ayat menduduki kerusi Majlis itu.

Beliau telah juga mengambil peranan yang penting menggubal perlembagaan Negeri Perak sa-telah Kerajaan British bersetuju mengembalikan kedaulatan Raja2 Melayu yang telah di-rampas oleh Kerajaan British di-bawah perjanjian yang keji sa-bagai MacMichael Treaty yang di-tanda tangani oleh Raja2 Melayu tidak lama sa-telah tamat peperangan Timor Jauh dalam tahun 1945.

Dato Panglima Bukit Gantang itu di-jadualkan sampai di-Brunei dalam minggu ini. Beliau harus turut berangkat ka-London bersama rombongan perlembagaan Brunei itu.

.....

X LANJUTAN PERKHIDMATAN PESUROH JAYA TINGGI.

YANG Maha Mulia Baginda Queen telah berkenan melanjutkan penggal perkhidmatan Dato Paduka Sir Anthony Foster Abell, sa-bagai Gabenor dan Pemerintah A'ong Sarawak sa-lama enam bulan lagi sa-hingga bulan October, 1959.

Dato Paduka Abell ia lah juga Pesuruh Jaya Tinggi Brunei.

Beliau datang ka-Sarawak dalam tahun 1948 menggantikan Tuan Duncan George Stewart yang telah terbunuh dalam bulan December, 1947.